

24/08/2003

Dr M mahu tindakan tegas untuk pelajar samseng

Kadir Dikoh; Rohaniza Idris; Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu tindakan disiplin dibuat secara bersungguh-sungguh terhadap pelajar yang terbabit dalam kegiatan ala samseng di sekolah.

"Saya harap mereka (Kementerian Pendidikan) ambil tindakan disiplin secara bersungguh-sungguh. Kalau mereka tak mahu belajar, kita tak boleh benarkan mereka pergi ke sekolah dan mengacau penuntut lain.

"Semua ini pengecut, berani bila ramai orang (kawan) dan buli satu orang," kata Perdana Menteri selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2003 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas penyingkiran 20 pelajar tingkatan lima Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) di Ipoh kerana cuba menghidupkan budaya ala samseng dikenali 'High Council', bagi membuli dan menekan pelajar junior.

Ditanya sama ada kegiatan seperti itu dan beberapa insiden lain di beberapa sekolah di seluruh negara sejak kebelakangan ini berpunca daripada kepincangan dalam sistem pendidikan negara, Dr Mahathir berkata ia sebenarnya pengaruh budaya asing.

"Pendapat saya mudah saja. Saya dapati bahawa terlalu banyak filem berkaitan seks dan keganasan yang datang dari luar negara. Tak ada cerita lain, cuma seks, keganasan, 'terminator' itu, 'terminator' ini, tembak... bunuh.

"Jadi rosak bukan saja di Malaysia. Saya jumpa seorang pemberita dari Jepun, dia kata apa jadi dengan pemuda Jepun. Saya kata tak beza dengan Malaysia, macam itu juga. Dulu kita tak dengar jenayah seperti anak pukul ibu, tembak bapa dan sebagainya," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua itu datang daripada idea menonton program berbentuk keganasan di televisyen dan meskipun ada pihak mahu kerajaan membuat tapisan tayangan, pihak lain pula menyatakan tidak, kononnya itu kebebasan, kebebasan untuk semua "tetapi sebenarnya kebebasan untuk membunuh orang juga sekarang ini."

Di SRI ISKANDAR, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata tindakan pengurusan STAR Ipoh menyingkir 20 pelajarnya kerana menghidupkan budaya ala samseng adalah tepat dan wajar.

Malah, katanya Kementerian Pendidikan mengarahkan semua sekolah membuat tindakan pencegahan sama bagi mengelak gejala negatif seperti itu.

"Saya belum mendapat laporan penuh tetapi yakin tindakan STAR itu tentu berasas kerana dia (pengurusan STAR) tidak akan membuat satu tindakan yang meragukan kerana modal yang ditanam untuk anak-anak ini sudah banyak," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Pesta Konvo, Universiti Teknologi Petronas (UTP) sempena majlis Konvokesyen Ketiga universiti itu di Tronoh, dekat sini, malam kelmarin. Hadir sama Rektor UTP, Dr Rosti Saruwono.

Beberapa pelajar STAR yang ditemui mengesahkan kewujudan kumpulan itu, malah difahamkan anggota kumpulan itu mengadakan pertemuan sulit, biasanya pada awal pagi, untuk membuat pelbagai rancangan membuli pelajar junior.

Beliau berkata, pihak sekolah dilarang sama sekali daripada menyembunyikan kejadian serius di sekolah mereka, sebaliknya perlu mendedahkan perkara itu.

Katanya, mana-mana sekolah yang menyembunyikan kejadian seperti itu akan dikenakan tindakan.

Mengenai kejadian 14 pelajar perempuan Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Puteri, Buntong, Ipoh ditempeleng seorang guru, Abdul Aziz berkata,

pihaknya mahu semua pihak terbabit bertemu dan berbincang menyelesaikan masalah berkenaan supaya ia tidak menjadi isu hingga mencetuskan keadaan lebih buruk.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam, berkata pertambahan masalah disiplin di sekolah berpunca daripada kelemahan sistem pendidikan bukannya sikap pelajar yang degil.

Beliau mahu Kementerian Pendidikan mengkaji semula sistem pendidikan terutama membabitkan isu moral di sekolah kerana NUTP percaya kemerosotan disiplin di sekolah berpunca daripada kelemahan sekolah menangani dan mendidik pelajar untuk berdisiplin.

"Masalah disiplin juga berpunca daripada kelemahan sekolah mengawal pelajar dan tidak menggunakan pendidikan kaunseling untuk mendisiplinkan pelajar.

"Malah, peningkatan masalah disiplin dikaitkan dengan masalah kekurangan guru di sesetengah sekolah yang menyebabkan pelajar tidak dapat dikawal sehingga menimbulkan masalah disiplin," katanya ditemui selepas majlis perasmian persidangan parti Gerakan di Kuala Lumpur, semalam.

Siva berkata, beliau tidak setuju dengan tindakan Kementerian Pendidikan untuk memecat dan menukarkan guru ke sekolah lain berikutan kes guru menampar atau memukul pelajar.

Katanya, pemecatan dan pertukaran guru tidak akan menyelesaikan masalah disiplin di sekolah.

NUTP katanya mencadangkan supaya kuasa rotan diberikan kepada guru bagi membolehkan mereka mendisiplinkan pelajar.

Beliau berkata, Kementerian Pendidikan juga boleh menggunakan khidmat polis untuk mendisiplin pelajar .

"Pengetua juga perlu diberikan latihan menjalankan tugas untuk mendisiplinkan pelajar, ketika ini ramai pengetua tidak berada di sekolah kerana sibuk dengan urusan di luar," katanya.